



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA  
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)  
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-21 SECARA ATAS TALIAN**

---

Tarikh : 13 Julai 2021 (Selasa)  
Masa : 9.00 pagi  
Platform : secara atas talian menerusi aplikasi *Zoom Meeting*  
Kehadiran : seperti di **Lampiran A**

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
<b>21.1</b>	<b>Aluan Pengerusi</b>	
	(a) Pengerusi memulakan mesyuarat dengan:	
	(i) bacaan Surah Al-fatihah dan mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-21 (3/2021) secara atas talian melalui Aplikasi <i>Zoom Meeting</i> .	<b>Makluman</b>
	(ii) turut mengalukan kehadiran ahli baharu mesyuarat iaitu Ts. Mohamad Farid Harun selaku Ketua, Pasukan Pusat Data bermula pada 1 Julai 2021.	<b>Makluman</b>
	(iii) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Ts. Krishnan Mariappan, mantan TWP ISMS merangkap Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS UPM yang telah berkhidmat bermula 17 Januari 2019 hingga 30 Jun 2021.	<b>Makluman</b>
	(b) Mesyuarat turut merakamkan ucapan tahniah di atas lantikan Ts. Shahril Iskandar Amir, TWP ISMS merangkap Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS yang baharu bermula 1 Julai 2021 dan merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan beliau selaku Ketua, Pasukan Pusat Data bermula 5 Ogos 2020 hingga 30 Jun 2021.	<b>Makluman</b>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
21.2	<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-19 &amp; Ke-20 (Khas) Secara Atas Talian</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan dua (2) minit mesyuarat berikut tanpa pindaan, iaitu:</p> <p>(a) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-19 (1/2021) secara atas talian pada 09 Februari 2021; dan</p> <p>(b) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-20 (Khas) (2/2021) secara atas talian pada 30 Mac 2021.</p>	<p><b>Makluman</b></p>
21.3	<p><b>Perkara Berbangkit</b></p> <p>(a) Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-19 dan Kali Ke-20 (Khas) adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 3.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum semua tindakan yang diputuskan semasa mesyuarat kali ke-19 dan kali ke-20 (khas) telah dan sedang diambil tindakan oleh peneraju/pasukan yang terlibat dan seterusnya mengambil perhatian berhubung perkara berikut:</p> <p>(i) <b>Minit 19.4 (c)</b> – mengambil makluman awal berhubung pelanjutan tempoh pelaksanaan Penilaian Pengajaran Semester Kedua 2020/2021 disebabkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di makmal ditangguhkan sepanjang PKP/PPN. Tarikh sebenar pelanjutan akan dihebahkan oleh pihak Pusat Pembangunan Akademik dalam masa terdekat kepada semua PTJ.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</b></p>

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
	<p>(ii) <b>Minit 19.8.1</b> – mengambil maklum tarikh pelaksanaan audit dalaman PTJ telah dilanjutkan sehingga 30 September 2021 mengambilkira pelaksanaan terkini Perintah Kawalan Pergerakan/ Pelan Pemulihan Negara Fasa 1.</p> <p>(iii) <b>Minit 20.4.1 (b)</b> – mengambil maklum urusan penyelenggaraan/baikpulih Sistem MyRAM masih diletakkan di bawah tanggungjawab pihak MAMPU walaupun fungsi keselamatan ICT Sektor Awam telah diserahkan kepada pihak Agensi Keselamatan Siber Negara (AKSN/NACSA).</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
<b>21.4</b>	<p><b>Laporan Objektif Keselamatan Maklumat</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 adalah seperti mana perincian yang dinyatakan pada <b>Laporan Agenda 4.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum kesemua tiga (3) objektif ISMS belum dapat diukur sepanjang tempoh penilaian disebabkan aktiviti pengukuran sedang dilaksana/ belum berlaku.</p> <p>(c) Mesyuarat turut mencadangkan supaya pernyataan objektif ISMS di bawah Pusat Data ditambahbaik dengan mengambilkira pengukuran objektif berkaitan tahap ketahanan/keselamatan sistem terhadap insiden/cubaan pencerobohan data yang tidak sepatutnya untuk dilaksanakan pada tahun 2022.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP ISMS/ Ketua Pasukan Puat Data</b></p>
<b>21.5</b>	<p><b>Laporan Penyata Pemakaian [Statement of Applicability (SoA)] &amp; Dokumentasi ISMS</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Laporan Penyata Pemakaian (SoA) dan Dokumentasi ISMS adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 5.0</b> yang dibentang di mana terdapat keperluan pindaan bagi kedua-dua dokumen seperti berikut:</p>	<p><b>Makluman</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman						
	<table border="1" data-bbox="410 302 1213 1039"> <thead> <tr> <th data-bbox="410 302 675 338">Dokumen</th> <th data-bbox="675 302 1213 338">Justifikasi perubahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="410 338 675 705"><b>Dokumen Penyata Pemakaian (SoA)</b></td> <td data-bbox="675 338 1213 705"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan semula nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor kepada Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor</li> <li>• Pengemaskinian maklumat kelulusan Dasar Kualiti oleh Lembaga Pengurusan Universiti (LPU)</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="410 705 675 1039"><b>Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS</b></td> <td data-bbox="675 705 1213 1039"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Meal Plan</i> digugurkan daripada pengecualian skop ISMS</li> <li>• Perubahan semula nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor kepada Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="315 1079 1218 1276">(b) bersetuju supaya cadangan penambahbaikan Penyata Pemakaian (SoA) dan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS dikuatkuasakan pada pertengahan Julai 2021 dan dihebahkan pemakaiannya kepada PTJ/entiti yang terlibat dengan pelaksanaan ISMS.</p>	Dokumen	Justifikasi perubahan	<b>Dokumen Penyata Pemakaian (SoA)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan semula nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor kepada Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor</li> <li>• Pengemaskinian maklumat kelulusan Dasar Kualiti oleh Lembaga Pengurusan Universiti (LPU)</li> </ul>	<b>Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Meal Plan</i> digugurkan daripada pengecualian skop ISMS</li> <li>• Perubahan semula nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor kepada Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor</li> </ul>	<p data-bbox="1240 296 1398 327"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1240 1073 1409 1224"><b>Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti</b></p>
Dokumen	Justifikasi perubahan							
<b>Dokumen Penyata Pemakaian (SoA)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan semula nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor kepada Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor</li> <li>• Pengemaskinian maklumat kelulusan Dasar Kualiti oleh Lembaga Pengurusan Universiti (LPU)</li> </ul>							
<b>Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Meal Plan</i> digugurkan daripada pengecualian skop ISMS</li> <li>• Perubahan semula nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor kepada Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor</li> </ul>							
21.6	<p data-bbox="315 1325 1218 1398"><b>Laporan Penilaian Risiko (RA) &amp; Pelan Pemulihan Risiko (RTP) ISMS</b></p> <p data-bbox="315 1440 1218 1759">(a) Mesyuarat mengambil maklum mengenai Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat Tahun 2021 (semakan Mac 2021) setiap pasukan ISMS hasil Bengkel Semakan Penilaian Risiko ISMS yang diadakan pada 9 hingga 10 Mac 2021. Perincian laporan yang telah dibentang dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali ke-20 (Khas) pada 30 Mac 2021 ini adalah sepertimana laporan <b>Agenda 6.0</b> yang dibentang.</p>	<p data-bbox="1240 1430 1398 1461"><b>Makluman</b></p>						

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	(b) Mesyuarat mengambil maklum, secara keseluruhan laporan menunjukkan terdapat sebanyak 1083 risiko dengan tahap rendah (L) dan 102 risiko dengan tahap sederhana (M) manakala tiada risiko dengan tahap tinggi (H) dicatatkan hasil daripada penilaian ke atas 776 aset yang terlibat bagi semua pasukan ISMS.	<b>Makluman</b>
<b>21.7</b>	<p><b>Laporan Status Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Setiap Pasukan ISMS</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan pelaksanaan 14 aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang disediakan oleh empat (4) Pasukan ISMS bagi tempoh Februari hingga Julai 2021 adalah seperti di <b>Laporan Agenda 7.0</b> yang dibentang semasa mesyuarat.</p>	<b>Makluman</b>
<b>21.8</b>	<p><b>Hal-hal lain</b></p> <p><b>21.8.1 Cadangan Perluasan Skop ISMS UPM</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan perluasan skop ISMS bagi <b>pengajian siswazah</b> sepertimana berikut:</p> <p>(i) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Prasiswazah <b>dan Siswazah</b>; dan</p> <p>(ii) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah <b>dan Siswazah</b>.</p> <p>(b) Mesyuarat bagaimanapuan mengambil maklum pelaksanaan cadangan perluasan skop penilaian pengajaran siswazah adalah bergantung kepada hasil perbincangan antara pihak Pusat Pembangunan Akademik bersama pihak Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi dan Sekolah Pengajian Siswazah yang dijadualkan pada 14 Julai 2021 bagi menyemak berkaitan kesediaan integriti data Sistem iGIMS.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>(c) Mesyuarat turut meminta bantuan Dato' Haji Rosdi Wah selaku Ketua Pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) untuk membuat sesi perkongsian dengan pihak Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) bagi menerangkan/berkongsi pengalaman berkaitan pelaksanaan ISMS bagi skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sebagai persediaan untuk SPS melaksanakan perluasan skop pendaftaran pelajar baharu sepenuh masa siswazah pada tahun 2022.</p> <p>(d) Mesyuarat turut meminta supaya semakan dibuat dengan pihak Putra Science Park (PSP) UPM berhubung kesediaan Sistem Universiti Putra Malaysia <i>Intellectual Property</i> (UPMIP) bagi skop Pengurusan Perlindungan Harta Intelek untuk tujuan perluasan ISMS fasa berikutnya memandangkan penangguhan perluasan bagi skop ini sudah menghampiri tempoh empat (4) tahun.</p> <p><b>21.8.2 Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS tahun 2021 belum dapat dilaksanakan kerana aktiviti kemasukan pelajar baharu prasiswazah hanya akan berlaku pada 2 hingga 3 Ogos 2021 (Diploma) dan 2 hingga 3 Oktober 2021 (Bacelor) manakala bagi aktiviti penilaian pengajaran prasiswazah di Fakulti pula masih dalam proses tindakan.</p> <p><b>21.8.3 Perubahan Struktur Organisasi ISMS</b></p> <p>(a) Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perubahan terkini Struktur Organisasi ISMS berkuatkuasa 1 Julai 2021 yang melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Jawatankuasa Kerja ISMS;</li> <li>(ii) Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang);</li> <li>(iii) Pasukan Pusat Data; dan</li> <li>(iv) Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.</li> </ul>	<p><b>Penasihat ISMS/TWP ISMS</b></p> <p><b>Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
	<p>(b) Mesyuarat dimaklumkan struktur terkini ISMS ini boleh dirujuk melalui Portal eISO UPM.</p> <p><b>21.8.4 Status Garis Panduan Pengendalian Maklumat (UPM/ISMS/SOK/GP03/PENGENDALIAN MAKLUMAT)</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berkaitan status terkini Garis Panduan Pengendalian Maklumat (UPM/ISMS/SOK/GP03/PENGENDALIAN MAKLUMAT) yang akan digugurkan bermula 13 Ogos 2021 dan kawalan berkaitan akan digantikan dengan dokumen dalaman seumpamanya. Perincian nama dan kod dokumen dalaman yang akan digunapakai perlu dimaklumkan kepada pihak CQA memandangkan dokumen ini merupakan salah satu kawalan yang dinyatakan dalam Penyata Pemakaian (SoA) ISMS UPM.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP ISMS/Ketua, Pasukan Pusat Data</b></p>
<b>21.9</b>	<p><b>Penangguhan Mesyuarat</b></p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	

---

**SENARAI KEHADIRAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA  
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013  
KALI KE-21 SECARA ATAS TALIAN**

---

**HADIR**

1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) **- Pengerusi**
2. Puan Haslida Hassan (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Dato' Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
5. Encik Nuruliman Ibrahim (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
6. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
7. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
8. Ts. Mohamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data)
9. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
10. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
11. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
12. Encik Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
13. Puan Shamriza Shari (Penyelaras ISMS) **- Setiausaha**

**TURUT HADIR**

1. Encik Adidi Tamin (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
2. Encik Mohd Amaludin Salleh (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)

**TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)**

1. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Shahrizan Hashim (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)